

TARIKH	30 / 6 / 2015	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	13	RUANGAN	

Tabung Haji pilih MAS bawa jemaah haji ke tanah suci

KUALA LUMPUR 29 Jun - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) hari ini memeterai perjanjian dengan Malaysia Airlines (MAS) bagi mendapatkan perkhidmatan 78 penerbangan sewa khas membawa jemaah haji ke tanah suci Mekah pada musim haji tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail berkata, pihaknya amat menitikberatkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji Malaysia dan MAS telah meneruskan perkhidmatan cemerlang selama ini.

"Pada tahun ini, sebanyak 78 penerbangan sewa khas MAS meliputi penerbangan pergi dan balik menggunakan pesawat B777-200 akan membawa jemaah kita ke tanah suci.

"Penerbangan sewa khas itu akan berlepas ke tanah suci dalam dua peringkat yang bermula dari 16 Ogos hingga 16 September bagi peringkat pertama manakala 29 September hingga 28 Oktober bagi peringkat kedua," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Pengurus Besar Kanan Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed



Pada tahun ini, sebanyak 78 penerbangan sewa khas MAS meliputi penerbangan pergi dan balik menggunakan pesawat B777-200 akan membawa jemaah kita ke tanah suci."

ISMEE ISMAIL
Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji

Abdul Rahman bersama Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia Tabung Haji, Mohd. Hisham Harun dan Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Christoph Mueller.

Jelas Ismee yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, penerbangan sewa khas itu akan disediakan di tujuh negeri seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Terengganu, Alor Setar,

Kota Kinabalu dan Sarawak.

Sementara itu, Mueller berkata, MAS bersama Tabung Haji komited untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada jemaah di darat mahupun dalam penerbangan.

"Kami amat berbesar hati kerana terpilih untuk kerjasama operasi haji ini dan gembira segala usaha telah mencapai standard yang diharapkan," katanya.